

17/12/1999

Belia Kelantan perlu diberi perhatian

KOTA BHARU, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno Kelantan meminta Menteri Belia dan Sukan yang baru, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, memberi tumpuan lebih kepada belia di negeri itu yang mula menunjukkan minat kepada pembangkang.

Sambil menganggap perkembangan berkenaan sebagai mencemaskan, Ketua Penerangannya, Abd Aziz Awang, berkata masalah itu memerlukan perhatian segera kementerian bagi membendungnya daripada lebih serius.

Katanya, Pemuda membuat andaian tindakan segelintir belia beralih selera kepada pembangkang disebabkan mereka tidak mendapat penerangan jelas daripada persatuan masing-masing berhubung dasar dan matlamat negara.

"Mungkin ada persatuan gagal menjalankan kegiatan atau tidak aktif menyebabkan ahlinya terumbang-ambing.

"Kesempatan itu diambil pembangkang dengan menarik golongan ini menyertai kegiatan politik kotor mereka.

"Faktor ini antara punca kekalahan teruk Umno dan Barisan Nasional (BN) di Kelantan dalam pilihan raya umum ke-10 lalu.

"Tumpuan perlu diberi dari sekarang termasuk mempertingkatkan program bina ihsan supaya matlamat membersihkan belia daripada pengaruh politik kotor tercapai," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas pelantikan Pemangku Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, ke jawatan Menteri Belia dan Sukan.

Menurutnya, Pemuda mengalu-alukan pelantikan itu dan menganggapnya sebagai tepat kerana bekas Timbalan Menteri Perusahaan Utama itu mempunyai pengalaman serta pakar mengatur strategi memulihkan belia.

"Ini penghormatan terbesar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Pergerakan Pemuda Umno.

"Kita harap Hishammuddin memberi tumpuan kepada belia di Kelantan seperti mencari jalan dan strategi 'memulihkan' kembali minda golongan ini yang disaluti dakyah kotor pembangkang," katanya.

(END)